



# KEJOHANAN BOLA SEPAK KPT UniMAP CHARITY CUP 1 MALAYSIA 2011

Perlawanan Amal Bola Sepak KPT- UniMAP Charity Cup 1 Malaysia 2011 telah menemukan dua pasukan bintang iaitu Pasukan Bekas Pemain Malaysia menentang Pasukan Bekas Pemain Bintang Perlis Singa Utara yang berlangsung pada 7 Februari 2011, di Stadium Utama Kangar.

Pada perlawanan tersebut Pasukan Bekas Pemain Malaysia terdiri daripada Ahmad Sobri Ismail, Azmi Mahmod, Zol Ali, Zolkefli Ahmad, K.Gunalan, Ghani Malik, Azizol Abu Hanifah, Zainal Nordin, Radhi Md. Din, Ahmad Yusof, Azman Adnan, Namad Abdullah, Shukor Saleh, Redzuan Abdullah, Roshidi Shaari, Karim Pin, Shahrin Majid, Kamarul, Norazam Ishak, Aziz Azizan dan Nidzam Adha.

Manakala Pasukan Bekas Pemain Bintang Perlis Singa Utara terdiri daripada Ahmad Jazree, Zulfikar Abdullah, Suhairi Karim, Zulkifli Mohd Bahari, Osman Ibrahim, Jamin Ismail, Hamizan Ismail Jaflus Jahit, Ku Azizi, Andrien Jurad Chamrong, Saidin

Osman, Ah Heng, Ibrahim Ali, Rosli Osman, Radzi Ismail, Sazali Saad, Suzumi Bakar, Suhaimi Md.Din, Asidan Mat Isa, Aziz Ibrahim, Rosli Ramli, Rosli Mat Derus, Harizon Haris, Ali Osman, V.Marimuthu, Shaidan Zakaria, Suhaimi Ahmad, Nazri Hassan, Ibrahim Saad dan Musa Saad.

Keputusan perlawanan menyaksikan Pasukan Bekas Pemain Malaysia telah menewaskan Pasukan Bekas Pemain Bintang Perlis Singa Utara dengan jaringan 4 gol berbalas 1 dan sekaligus membawa pulang Piala Pusingan. Tujuan utama perlawanan ini diadakan adalah untuk meraikan DYTM Raja Muda sebagai peminat nombor satu bola sepak negeri selain mengenang jasa bekas-bekas pemimpin sukan negeri yang merupakan peneraju utama kejayaan sukan bola sepak. Ia juga bertujuan untuk mengenang jasa bekas pemain bola sepak yang mengharumkan nama negeri dan Negara selain menjadikan perlawanan ini sebagai salah satu aktiviti tahunan pembuka tirai bola sepak negeri sebelum Liga Malaysia bermula.